



**Kementerian Wilayah Persekutuan**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)  
BAITI JANNATI @ WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2018**

**AUDITORIUM DBKL | 27 FEBRUARI 2018 (SELASA)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salutasi**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Wilayahku Ceria**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan serta Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam pelaksanaan **PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) iaitu BAITI JANNATI@ WILAYAH PERSEKUTUAN** sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 ini. Saya juga mengucapkan terima kasih atas kehadiran para penerima sumbangan, para penyumbang program Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan ini.
3. Isu kenaikan harga rumah serta peningkatan kos sara hidup akhir-akhir ini telah menyukarkan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri. Atas dasar keperihatinan kerajaan terhadap pelbagai masalah yang dihadapi terutamanya keperluan perumahan di Wilayah Persekutuan ini, Jemaah Menteri dalam Mesyuarat pada 12 Ogos 2009 telah memutuskan supaya

29,562 unit rumah PPR MTEN dan 14,584 unit rumah Perumahan Awan DBKL dijual dengan harga di antara RM21,500 sehingga RM35,000 mengikut keluasan telah ditawarkan kepada penyewa-penyewa sedia ada dan menjadikan jumlah keseluruhan rumah untuk dijual kepada golongan sasaran ini ialah 45,357 unit. Namun begitu setakat ini hanya 17,093 @ 37.68% sahaja yang bersetuju untuk membeli rumah yang ditawarkan walaupun Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Yayasan Wilayah Persekutuan menyediakan Skim Pembiayaan Khas untuk mereka.

4. Objektif utama penjualan rumah-rumah ini adalah untuk memberi peluang kepada penyewa-penyewa sedia ada untuk memiliki rumah yang didudukinya. Ini memberi kelebihan kepada penghuni PPR MTEN yang dipindahkan dari kawasan setingan dan penyewa semasa Perumahan Awam DBKL yang mempunyai kesukaran untuk membeli rumah di Kuala Lumpur atas faktor harga yang jauh lebih tinggi.

**YBhg.Datuk/Tuan/Puan sekalian,**

5. Diatas keperihatinan kerajaan juga, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk merealisasikan pelaksanaan Program Baiti Jannati @Wilayah Persekutuan ini. Program yang dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan, organisasi korporat dan NGO'S adalah bertujuan untuk membantu menyediakan golongan

miskin tegar yang berdaftar dalam sistem e-kasih, baitulmal Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Khidmat Masyarakat untuk memiliki rumah sendiri tanpa perlu membayar sewa bulanan lagi kepada DBKL.

6. Matlamat utama program ialah untuk membantu keluarga yang tergolong dalam kategori miskin tegar dan miskin bandar memiliki rumah sendiri dan dapat mendiami rumah yang lebih selesa serta mempunyai kelengkapan asas seperti perabot dan peralatan elektrik. Selain itu, program ini juga dapat membantu meningkatkan kualiti hidup dengan menyediakan tempat tinggal yang kondusif kepada golongan berpendapatan rendah, ibu tunggal, OKU, golongan asnaf, fakir, miskin di Wilayah Persekutuan. Program ini akan diteruskan secara berperingkat kerana jumlah unit kediaman PPR dan Perumahan Awam DBKL yang kosong adalah agak terhad untuk di baik pulih dan dilengkapi sebelum diserahkan kepada penerima terpilih.
7. Pada peringkat permulaan, Program Baiti Jannati @Wilayah Persekutuan dengan kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad telah menyerahkan 23 buah rumah kepada penerima yang beragama Islam sahaja. Ini kerana wang yang digunakan adalah daripada sumber wang zakat TNB. Pada tahun 2017, bersempena perayaan Pesta Cahaya, seramai 8 keluarga dalam kalangan komuniti India di Wilayah Persekutuan telah menerima sumbangan menerusi program Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan hasil sumbangan organisasi-organisasi korporat. Begitu juga pada 9 November 2017,

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mencemar duli menyerahkan 10 buah rumah Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan kepada 10 keluarga pelbagai bangsa. Ini semua membuktikan program ini adalah untuk semua warga Wilayah Persekutuan tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan kepercayaan.

8. Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan juga telah diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 baru-baru ini. 10 keluarga di Wilayah Persekutuan Labuan telah menerima sumbangan bernilai RM15,000.00 bagi setiap keluarga untuk kerja-kerja baik pulih dan pembelian kelengkapan asas rumah. Pada hari ini, tambahan 56 lagi keluarga akan menerima unit rumah Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, 8 daripadanya adalah terdiri daripada masyarakat Cina. Diharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat menceriakan mereka yang masih lagi merasakan kemeriahan sambutan Tahun Baru Cina. Sehingga kini, 113 unit kediaman telah diserahkan di bawah program Baiti Jannati @Wilayah Persekutuan ini.

**YBhg.Datuk/Tuan/Puan sekalian,**

9. Untuk makluman program ini dilaksanakan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melibatkan **Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan, Yayasan Wilayah**

**Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).** Selain itu, organisasi korporat yang turut menyumbang di dalam program ini adalah **Tenaga Nasional Berhad (TNB), CELCOM, JL99 Group, Mah Sing Group, Aset Kayamas, Maju Holding Sdn. Bhd., Ekovest Group, Malton Berhad, Pavillion Kuala Lumpur, Maxim Sdn. Bhd, WCT Berhad dan Yayasan Al-Mansooriah serta Yayasan Albukhary.**

10. Kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak. Sehubungan itu, adalah menjadi komitmen kerajaan dan obligasi semua pihak sama ada pihak awam mahupun swasta berganding bahu untuk menyediakan tempat tinggal yang kondusif sebagai tanda keperihatinan kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan yang kurang bernasib baik.
  
11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa bekerjasama dalam merealisasikan impian warga Wilayah Persekutuan memiliki rumah kediaman sendiri terutamanya golongan miskin di Wilayah Persekutuan.

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan **WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.** Terima kasih.